

VARIASI PERKATAAN HARI KIAMAT DALAM AL-QUR'AN: SATU TINJAUAN UMUM

VARIATION WORDS OF KIAMAT IN QUR'AN: A GENERAL REVIEW

Khairul Asyraf Mohd Nathir¹

Mohd Sukki Othman²

Wan Muhammad Wan Sulong³

Nik Farhan Mustapha⁴

¹ Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang Selangor, asyh_ralf@yahoo.com.my

² Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Sedang Selangor, msukki@upm.edu.my

³ Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Sedang Selangor, w_mhd@upm.edu.my

⁴ Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Sedang Selangor, farhan@upm.edu.my

Accepted date: 31-12-2018

Published date: 10-03-2019

To cite this document: Nathir, K. A. M., Othman, M. S., Sulong, W. M. W., & Mustapha, N. F. (2019). Variasi Perkataan Hari Kiamat Dalam Al-Qur'an: Satu Tinjauan Umum. *International Journal of Humanities, Philosophy, and Language*, 2 (5), 25-40.

Abstrak: Variasi perkataan al-Qur'an merupakan salah satu bentuk kemukjizatan yang tiada tolak bandingnya. Setiap variasi perkataan mempunyai perbezaan walaupun secara literalnya mempunyai makna yang sama, salah satunya adalah perkataan hari kiamat. Justeru itu, tujuan kajian ini adalah untuk melihat pola variasi perkataan kiamat dalam al-Qur'an dengan membentuk kategori berdasarkan kekerapan penggunaan dalam al-Qur'an. Kajian kualitatif berbentuk analisis teks al-Qur'an ini akan menggunakan perisian ATLAS.ti 8 bagi memperolehi pola kekerapan tersebut. Dapatan kajian menunjukkan, sebanyak 27 variasi perkataan hari kiamat ditemui dengan pecahan tiga kategori utama iaitu kekerapan tinggi, sederhana dan rendah manakala dari sudut pecahan pola pula, terdapat pola berulang dan pola statik yang merangkumi keseluruhan al-Qur'an.

Kata Kunci: Variasi; Perkataan; Hari Kiamat; Al-Qur'an; Pola

Abstract: *The variation of the words of the Qur'an is one of covetousness which is incomparable. Each variation has a difference even though it literally has the same meaning, for example the pronouncement of Judgment Day. Hence, the purpose of this study is to look at the pattern of variation the words of Judgment Day in the Qur'an by forming a category based on the frequency of use in the Qur'an. The qualitative method which is text analysis will*

use and the Atlas.ti 8 software as a tool to obtain the frequency pattern. The findings show that a total of 27 variants of the Judgment Day were found by the breakdown of the three main categories, namely high, medium and low frequencies whereas from the fractional pattern, there was a recurring pattern and a static pattern covering the whole of the Qur'an.

Keywords: Variation; words; Judgment Day; Al-Qur'an; Pattern

Pendahuluan

Al-Qur'an yang merupakan wahyu pertama baginda Nabi S.A.W, diturunkan dalam satu bentuk bahasa yang teristimewa melalui perantaraan malaikat Jibrail a.s (Al-Qattan, 2000). Bahasa yang menjadi perantaraan utama masyarakat timur tengah ini mempunyai keistimewaan dan ciri-ciri unik berbanding bahasa lain dunia seperti penggunaan konsonan, vokal, diftong dan sehingga perbezaan variasi perkataan yang banyak walaupun secara umumnya membawa maksud yang sama. Dalam hal ini, para sarjana dan penyair utama *jahiliyyah* memandang tinggi mereka yang mampu melantunkan syair dengan penggunaan bahasa yang baik, sehingga mengangkat martabat mereka ketempat yang tinggi dalam masyarakat (Zakir, 2000; Yusuf, 2012).

Pada hari ini, ramai peminat dan pengkaji bahasa Arab dan al-Qur'an mula meneliti keajaiban dan kehebatan susun atur bahasa al-Qur'an ini dengan variasi kajian dalam pelbagai disiplin ilmu. Antaranya, perbahasan yang melibatkan gaya bahasa al-Qur'an (Syakirah, 2018), sains manusia, fizik, geografi (Jasmi, 2013), haiwan (Sukki, 2017), tumbuhan (Saipolbarin, 2015), komunikasi (Nasir, 2014), angka (Zaki, 2016), dan lain-lain sehingga menarik minat masyarakat untuk mendekati dan menyelami setiap baris ayat yang terdapat padanya (Zamri & Kaseh, 2011).

Keseluruhan kajian yang dijalankan membuktikan bahawa kehebatan mukjizat al-Qur'an ini tiada tandingan dan memberi gambaran bahawa sehebat dan setinggi mana ilmu seseorang pengkaji bahasa Arab, belum tentu dapat menguasi keseluruhan maksud al-Qur'an samada yang tersurat atau tersirat. Maka, penelitian tersebut mendedahkan bahawa manusia adalah lemah untuk menandingi apa yang tertulis dalam al-Quran walaupun dengan sepotong ayat sebagaimana ayat al-Qur'an (Al-Qattan, 2000), bahkan untuk mencari kesalahan padanya adalah suatu perkara yang amat mustahil (Nawfal, 1987). Justeru itu, keunikan dan kehebatan kemukjizatan al-Qur'an ini seharusnya tidak dipertikaikan lagi kerana ilmu yang terkandung padanya adalah lengkap dan sesuai dengan perkembangan dan konteks semasa.

Dalam konteks ini, Allah SWT menurunkan al-Qur'an dengan variasi perkataan yang pelbagai dan berbeza-beza kefahaman, konteks ayat sehingga *asbab nuzul* ayat. Dalam kajian variasi perkataan kiamat dalam al-Qur'an ini, Allah SWT memberi gambaran yang cukup jelas tentang kepentingan kiamat (Al-Qurtubi, 2016) dalam kehidupan manusia (Nazri dan Zamri, 2013). Ini selaras dengan jumlah variasi perkataan dan ayat berkaitan fenomena kiamat yang banyak disebut dalam al-Qur'an (Qutb, 2006) termasuk elemen gaya bahasa seperti perbandingan, *tashbih* dan lain-lain (Mahliatusikah, 2004).

Variasi Perkataan Al-Qur'an

Kesenian variasi bahasa Arab dalam al-Qur'an merupakan salah satu keajaiban yang sangat hebat. Setiap perkataan yang terdapat dalam al-Qur'an masing-masing mempunyai makna yang tersendiri walaupun dari sudut pengertian umum membawa maksud yang hampir sama. Elemen linguistik seperti sinonim, antonim, homonim dan polisem yang terdapat dalam bahasa

al-Qur'an ini lebih tinggi nilainya dari apa yang terdapat pada bahasa-bahasa lain. Ini membuktikan bahawa, al-Qur'an adalah ciptaan Allah Yang Maha Agong dan bukan semata-mata lintasan fikiran dari manusia. Fakta ini disokong kuat oleh Jasmi (2010) yang mengatakan bahawa bahasa Arab ini merupakan satu bahasa yang sangat unik kerana terdapat padanya ciri-ciri yang tidak terdapat pada bahasa yang lain. Salah satu ciri tersebut adalah merangkumi kajian leksikal yang menunjukkan bahawa perkataan yang terdapat dalam bahasa Arab melebihi apa yang terkandung dalam kata akar sesuatu perkataan.

Mukhtar (1992) menjelaskan bahawa keunikan variasi al-Qur'an ini merangkumi keseluruhan pola yang melatari setiap ayat al-Qur'an. Dalam hal ini, konsep *al-Adadd* iaitu satu kata namun mempunyai dua maksud yang bertentangan atau berbeza menunjukkan bahawa al-Qur'an sangat kaya dengan variasi yang tinggi nilai bahasa yang menjurus kepada makna dan pengertian berbeza. Secara ironinya, setiap sinonim atau antonim bagi setiap variasi ini akan membawa implikasi yang besar dalam struktur ayat al-Qur'an ini bergantung kepada situasi dan bagaimana ayat tersebut diturunkan.

Nurhadi (2015) menyatakan bahawa terdapat terdapat pro dan kontra pada perkataan sinonim dalam al-Qur'an. Pro dan kontra ini merujuk kepada perbezaan penafsiran al-Qur'an di antara ahli bahasa dan ahli tafsir yang menafsirkan al-Qur'an dalam pelbagai variasi makna. Dalam konteks ini, ahli bahasa berpandangan bahawa sinonim ini adalah perkataan yang mempunyai makna yang sama di antara satu sama lain, manakala bagi ahli tafsir seperti az-Zulaihiy, al-Qurtubiy pula menunjukkan bahawa sinonim ini adalah bahagian yang sangat penting dan mempunyai masalah dari segi *ta'arud*. Justeru itu, setiap variasi al-Qur'an ini perlu dinilai dari pelbagai sudut dan kedudukan sesuatu ayat dalam al-Qur'an bagi memperolehi gambaran yang jelas berkaitan konteks ayat yang diturunkan.

Penilaian terhadap variasi tersebut perlu dibuat berdasarkan makna leksikal dan relasi mendalam dalam al-Qur'an. Dalam hal ini, Fadhilah (2009) telah menjalankan satu penelitian terhadap satu variasi al-Qur'an iaitu *al-Haqqu* dalam al-Qur'an. Penelitian yang dibuat mendapati 146 perkataan *al-Haqqu* dalam 134 ayat yang mempunyai makna sinonim dan antonim. Dari sudut makna sinonim, terdapat 4 pengertian yang dikeluarkan berdasarkan pengertian menyeluruh ayat al-Qur'an iaitu hak, adil, pasti dan hutang piutang, manakala dari sudut antonim pula hanya satu pengertian sahaja iaitu al-Batil. Ini jelas menunjukkan bahawa, variasi dalam al-Qur'an mempunyai perkataan umum yang hampir sama, namun dari sudut pengertian yang khusus ia membawa kepada makna yang berbeza. Justeru itu, setiap variasi perkataan yang wujud dalam al-Qur'an adalah menjelaskan sesuatu yang lebih besar berdasarkan dari pemerhatian yang menyeluruh dari para sarjana yang terdahulu dan terkemudian.

Kiamat

Kiamat merupakan satu peristiwa besar yang akan menjelma pada suatu masa yang tiada diketahui ketetapan waktunya kecuali Allah SWT sahaja. Peristiwa ini merupakan permulaan kepada kehancuran dan kebangkitan semula manusia yang berada di atas dunia yang bakal semua tingglkan nanti menuju ke dunia akhirat yang kekal abadi (Al-Areefi, 2011). Namun, isyarat dan tanda-tanda akan berlakunya kiamat telah digambarkan oleh Allah SWT dalam al-Qur'an al-Karim dan juga melalui hadis nabi SAW (Al-Mubayyad, 2017).

Ketika proses penurunan al-Qur'an berlaku, nabi SAW turut diberi wahyu oleh Allah SWT untuk menjelaskan kedudukan dan gambaran semasa kiamat. Nabi SAW bersabda dari Anas r.a:

بُعْثُتْ أَنَا وَالسَّاعَةُ كَهَاتَنِ وَضَمَّ بَيْنَ السَّبَابَةِ وَالْوُسْطَى

Maksudnya: “Jarak aku diutuskan dengan hari kiamat adalah seperti ini. (Anas r.a berkata: “Rasulullah SAW menggabungkan antara jari telunjuk dengan jari tengah” (H.R al-Bukhari: Ar-Raqaq, no 6504; Fath al-Bari 11/355)

Dalam konteks hadis ini, waktu dan masa tibanya saat kiamat berlaku semakin menghampiri, berdasarkan gambaran yang dinyatakan oleh baginda nabi SAW. Allah SWT telah menyatakan beberapa tanda kiamat dalam al-Qur'an dengan peringatan yang besar agar manusia sentiasa bersedia menghadapinya (Al-Ashqar, 1990). Al-Mubayyad (2017) menjelaskan, isyarat tersebut adalah sebagai motivasi bagi manusia supaya segera bertaubat dan mempersiapkan diri untuk menghadapinya.

Pengertian Kiamat Dari Sudut Bahasa Dan Istilah

Hari kiamat merupakan kombinasi dua perkataan yang menggambarkan satu peristiwa besar yang akan berlaku kelak. Perkataan “hari” secara umumnya membawa maksud tempoh yang boleh diukur dan dinilai (Kamus dewan, 2007). Pembentukan perkataan ini perlu disandarkan kepada kata nama yang lain bagi menjelaskan sesuatu yang lebih khusus. Dalam kaedah bahasa Arab, “hari” disebut sebagai *al-Yaum*, unit pengukurnya adalah bermulanya terbit matahari sehingga terbenam matahari (Ibn Manzur, 1994). Khalil et.al (2006) menambah bahawa kata hari adalah merujuk kepada satu pusingan bumi mengelilingi matahari. Dalam hal ini, ilmu falak menjelaskan penentuan masa dalam sehari adalah diukurkan berdasarkan unit jam iaitu 24 jam sehari yang melengkapkan satu pusingan bumi.

Perkataan kiamat pula adalah kata terbitan dari perkataan قَامَ – يَقْوُمُ – قَوْمًا – قَيَامًا وَقِيَامَةً yang bermaksud berdiri tegak atau bangun (Khalil et.al, 2006; Omar, 2008). Contohnya perkataan قَلْمَانْ sahaja tidak menggambarkan kedudukan hari kiamat, bahkan lebih kepada maksud umum seperti (قام زيد) “telah berdiri Zaid”. Namun, jika dilihat pada setiap perkataan yang dibentuk dari perkataan ini, terdapat pelbagai variasi makna yang dikeluarkan yang mempunyai pengertian yang umum. Hal ini menunjukkan, sekiranya perkataan umum tersebut disandarkan dengan sesuatu perkataan yang lain, maka pembentukan ayat yang jelas dan khusus akan berlaku.

Dari segi istilah pula, kiamat merupakan hari kebangkitan dan pembalasan bagi semua makhluk Allah SWT selepas dimatiakan. Proses ini merupakan satu bentuk penilaian oleh Allah SWT kepada hambanya bagi menentukan tempat kekal abadi samaada syurga ataupun neraka (Al-Ashqar, 1990). Makna kepada hari kiamat tidak tertumpu kepada perkataan ‘*Yaum al-Qiyāmah*’ sahaja, bahkan terdapat perbagai variasi perkataan-perkataan berkaitan kiamat yang melatari isi kandungan al-Qur'an al-Karim. Antaranya *Yaum Al-Akhīrah*, *al-Sa'ah*, *al-Waqiāh*, *al-Qariah*, *al-Zalzalah* dan lain-lain.

Rizvi (1994) menyatakan terdapat 10 definisi Day of Judgment yang paling kerap digunakan dalam al-Qur'an dan hadith. Kesemua definisi ini memberi gambaran yang tersendiri berkaitan hari pembalasan mengikut dalil dari al-Qur'an dan as-Sunnah.

“All these names and words point to one or more aspects of Islamic belief that life in this world is not end in itself; that there is a life-hereafter; that all human beings will be resurrected one day, and brought together to account for their beliefs and deeds; that it will be a day which will separate good from evil and all will be rewarded or punished according to their belief and deeds”. (Rizvi, 1994)

Kiamat Dalam Al-Qur'an Al-Karim

Perkataan kiamat dalam al-Qur'an merupakan antara perkataan yang paling banyak dijelaskan dalam variasi ayat dan surah yang berbeza Al-Qurtubi (2016). Setiap perkataan yang diulang dan dinyatakan dalam pelbagai variasi yang banyak menunjukkan kepentingan untuk memahaminya dengan kadar yang tinggi. Jika disoroti dengan terperinci, Allah SWT meletakkan beberapa nama-nama surah yang penting dengan salah satu perkataan kiamat dengan perbincangan isi ayat yang berbeza-beza.

Mahliatussikah (2004) menjelaskan, terdapat 1075 ayat al-Qur'an yang menjelaskan berkaitan hari kiamat dan 87 daripadanya menfokuskan kepada uslub perbandingan. Hal ini selari dengan Qutb (2001) bahawa ayat yang berkaitan kiamat ini terdapat dalam 80 surah dari 114 surah al-Qur'an al-Karim. Ini menunjukkan bahawa, 70% surah-surah al-Qur'an terdapat padanya peringatan tentang hari kiamat. Daripada jumlah tersebut, juz 30 yang mengandungi 37 surah merupakan antara yang paling banyak membahaskan ayat-ayat berkaitan hari kiamat iaitu dengan 20 surah.

Secara umumnya terdapat lapan surah al-Qur'an yang dinamakan secara jelas dengan salah satu nama kiamat iaitu. **الدخان** dan **الواقعة**, **القارعة**, **القيامة**, **الزلزلة**, **التغابن**, **الحاقة**, **الغاشية**. Kesemua surah ini mempunyai variasi penceritaan tentang kiamat yang berbeza-beza berdasarkan nama-nama surah yang telah diturunkan. Justeru itu, perbahasan berkaitan kiamat ini, tidak hanya terhenti kepada tanda-tanda kiamat sahaja, bahkan melangkaui akal pemikiran manusia secara keseluruhan.

Pada setiap permulaan surah-surah seperti **الغاشية**, **القارعة**, **الزلزلة**, **الواقعة**, **الحاقة**, **النمل** dan **النور**, Allah SWT melemparkan persoalan dan penegasan yang khusus iaitu berkaitan hari kiamat. Al-Arif (2010) dalam karyanya turut mengutarakan persoalan utama iaitu; “mengapakah perlu berbicara berkaitan tanda-tanda kiamat? Jawapan yang dikemukakan adalah kerana al-Qur'an dan as-Sunnah terlebih dahulu menceritakan tentang perihal kiamat ini. Allah SWT berfirman:

Maksudnya: "Sudahkah sampai kepadamu (wahai Muhammad) perihal hari kiamat yang huru-haranya meliputi?" (surah al-Ghasyiah 88: 1)

Maksudnya: "Saat yang tetap berlaku itu; Apakah dia sifat dan keadaan saat yang tetap berlaku itu?" (surah al-Haqqaah 69: 1-2)

Maksudnya: "Apabila berlaku hari kiamat itu. Tiada sesianapun yang dapat mendustakan

(الْفَارَغَةُ ١٠ مَا الْفَارَغَةُ ٢٠ وَمَا أَدْرِكَ مَا الْفَارَغَةُ)

Maksudnya: "Hari yang menggemparkan. Apa dia hari yang menggemparkan itu? Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui kedahsyatan hari yang menggemparkan itu?" (surah al-Qariah 101: 1-3)

(إِذَا زُلْزَلتِ الْأَرْضُ زَلْزَالًا ۚ وَاحْرَجَتِ الْأَرْضُ أَنْقَلَهَا)
Maksudnya: "Apabila bumi digegarkan dengan gegaran yang sedahsyat-dahsyatnya. Serta bumi itu mengeluarkan segala isinya." (surah al-Zalzalah 99: 1-2)

Contoh; perkataan الواقعة merupakan salah satu nama dari nama-nama surah yang membincarakan perihal dua golongan yang akan diwakili oleh manusia pada hari kiamat kelak. Kedua-dua golongan ini berada pada haluan dan perjalanan yang berbeza berdasarkan amalan mereka di atas dunia sebelum ketibaan kiamat. Golongan pertama akan memperolehi segala kenikmatan, manakala golongan kedua iaitu golongan kiri akan merasai azab dari Allah SWT.

Dalam hal ini, setiap ayat dalam surah ini jelas menunjukkan perihal kenikmatan dan azab kepada manusia selepas dibangkitkan dari saat kiamat berlaku.


Qutb (2006) menukikan bahawa Allah SWT secara jelas meletakkan beberapa perkara penting berkaitan hari kiamat dalam al-Qur'an. Skop perbincangan yang dikemukakan ini merangkumi dua perkara utama iaitu, hari kebangkitan dan pembalasan dan nikmat dan azab. Justeru itu, pemahaman terhadap sesuatu ayat yang menerangkan keadaan hari kiamat penting dalam menghubungkan setiap perkataan dengan skop ayat yang dikaji.

Reka Bentuk Kajian

Dalam kajian ini penyelidik menggunakan beberapa teknik yang dianggap sesuai bagi membuka jalan dan memenuhi objektif kajian. Pertama, teknik kepustakaan iaitu melalui pengumpulan data dan maklumat yang diperlukan melalui bahan bercetak seperti kitab Tafsir al-Munir, Tafsir Ibn Kathir dan kitab al-Tazkirah oleh Imam al-Qurtubi yang merupakan sumber primer kajian ini. Disamping itu, buku-buku ilmiah, jurnal, majalah, kertas kerja dan lain-lain bahan diletakkan sebagai sumber skunder yang penting sebagai sokongan kepada kajian ini.


Data umum kosa kata kiamat dalam al-Qur'an ini diperolehi melalui beberapa penelitian khusus terhadap kajian lepas yang dijalankan oleh Al-Qurtubi (2004) al-Alusiy (t.th) al-Khzrjiy (t.th) Hala Said (2011) dan al-Tawirijiy (2012). Kedua, dalam usaha menganalisis dan menyusun data yang telah diperolehi, penyelidik menggunakan metode deduktif iaitu menganalisis data berdasarkan kepada bukti umum bagi mendapatkan kesimpulan secara bentuk khusus. Penyelidik turut menggunakan perisian ATLAS.ti 8 bagi memperlihatkan hubungan yang wujud berdasarkan objektif kajian.

Analisis Dapatan Kajian



Rajah 1. Senarai Kosa Kata Kiamat Dalam Al-Qur'an (Al-Qurtubi 2004; Al-Alusiy T. Th; Al-Khzrjiy T. Th; Hala Said 2011)

Rajah 1 menunjukkan gambaran variasi kosa kata kiamat dalam al-Qur'an berdasarkan kajian umum yang dilaksanakan oleh para sarjana mutakhir ini. Secara umumnya, terdapat 27 kosa kata kiamat yang jelas menggambarkan konsep kiamat dan hari pembalasan yang telah dinyatakan oleh Allah SWT. Justeru itu, variasi kosa kata ini walaupun membawa makna yang sama, namun perincian terhadap setiap makna tersiratnya adalah berbeza antara satu dengan yang lain.



Rajah 2: Kekerapan Variasi Hari Kiamat Dalam Al-Qur'an

Rajah 2 menunjukkan tiga pecahan utama kekerapan variasi hari kiamat yang terdapat dalam al-Qur'an al-Karim iaitu kekerapan tinggi, sederhana dan rendah. Kekerapan tinggi mempunyai enam variasi manakala kekerapan tahap sederhana pula mempunyai lapan bilangan variasi. Selebihnya iaitu 13 variasi adalah termasuk pada kekerapan yang rendah. Perincian kekerapan variasi tersebut adalah seperti dalam jadual 1.

Jadual 1: Variasi Hari Kiamat dalam Al-Qur'an

Bil	Variasi	Frekuensi	Peratusan
1	Yaum al-Qiyāmah	59	$59 \times 2 = 118$ 0.1522%

2	Al-Akhīrah	الآخرة	55	$55 \times 1 = 55$	0.0710%	
3	Al-Sāah	الساعة	28	$28 \times 1 = 28$	0.0361%	
4	Yaum al-Akhir	يوم الآخر	25	$25 \times 2 = 50$	0.0645%	Kekerapan Tinggi
5	Al-Hisāb	الحساب	11	$11 \times 1 = 11$	0.0142%	
6	Yaum al-Dīn	يوم الدين	11	$11 \times 2 = 22$	0.0284%	
Jumlah		6	189	284	0.3664%	
7	Al-Dār Al-Akhīrah	الدار الآخرة	8	$8 \times 2 = 16$	0.0206%	
8	Yaum Al-Khurūj	يوم الخروج	6	$6 \times 2 = 12$	0.0154%	
9	Yaum Al-Sāah	يوم الساعة	5	$5 \times 2 = 10$	0.0129%	
10	Yaum al-Hisāb	يوم الحساب	5	$5 \times 2 = 10$	0.0129%	Kekerapan Sederhana
11	Yaum al-Fasal	يوم الفصل	5	$5 \times 2 = 10$	0.0129%	
12	Al-Zalzalah	الزلزلة	6	$6 \times 1 = 6$	0.0075%	
13	Al-Qāriah	القارة	3	$3 \times 1 = 3$	0.0038%	
14	Al-Hāaqah	الحاقه	3	$3 \times 1 = 3$	0.0038%	
Jumlah		8	41	70	0.0898	
15	Al-Bā'atha	البعث	2	$2 \times 1 = 2$	0.0025%	
16	Yaum al-Jam'u	يوم الجمع	2	$2 \times 2 = 4$	0.0051%	
17	Al-Wāqiaah	الواقعة	2	$2 \times 1 = 2$	0.0025%	
18	Al-Sākhrāh	الصاخة	1	$1 \times 1 = 1$	0.0012%	
19	Al-Thāmah al-Khūbra	الطامة الكبرى	1	$1 \times 2 = 2$	0.0025%	Kekerapan Rendah
20	Yaum Al-Hasr	يوم الحشر	1	$1 \times 2 = 2$	0.0025%	
21	Al-Ghāsyiah	الغاشية	1	$1 \times 1 = 1$	0.0012%	
22	Yaum al-Khulūd	يوم الخلود	1	$1 \times 2 = 2$	0.0025%	
23	Yaum al-Waīd	يوم الوعيد	1	$1 \times 2 = 2$	0.0025%	

24	Yaum al-Azifāh	يوم الآزفة	1	1 x 2 = 2	0.0025%
25	Yaum al-Thalāq	يوم التلاق	1	1 x 2 = 2	0.0025%
26	Yaum al-Thanād	يوم الثناد	1	1 x 2 = 2	0.0025%
27	Yaum al-Thaghābun	يوم التغابن	1	1 x 2 = 2	0.0025%
Jumlah		13	16	26	0.0325
<hr/>					
Kekerapan Tinggi		6	189	284	0.3664%
<hr/>					
Kekerapan Sederhana		8	41	70	0.0898
<hr/>					
Kekerapan Rendah		13	16	26	0.0325
Jumlah		27	246	380	0.4906%
<hr/>					

Jadual di atas adalah hasil dapatan jumlah variasi perkataan hari kiamat dalam al-Qur'an bagi menjawab objektif pertama kajian iaitu meneliti statistik variasi hari kiamat dalam al-Qur'an ditunjukkan dalam jadual 1 secara terperinci berdasarkan nilai kekerapan dan peratusan. Nilai peratusan diperolehi melalui formula berikut:

$$\frac{\text{Bilangan K.K Hari Kiamat}}{\text{Jumlah Perkataan al - Qur'an}} \times 100$$

Jumlah perkataan dalam al-Qur'an adalah berjumlah 77439. Oleh itu, setiap bilangan variasi hari kiamat akan dibahagikan dengan jumlah perkataan dalam al-Qur'an dan di darabkan dengan 100 bagi memperolehi peratusan. Variasi "Yaum al-Qiyāmah" berada pada tahap pertama dalam kumpulan kekerapan tinggi iaitu 59 kali dengan peratusan dalam al-Qur'an sebanyak 0.1522% diikuti dengan *al-Akhīrah* iaitu 0.0710%. *Al-Saah* dan *Yaum al-Akhīr* pula masing-masing mempunyai 28 dan 25 kekerapan yang menghasilkan 0.0361% dan 0.0645%, manakala jumlah 0.0426% adalah mewakili variasi *al-Hisab* dan *Yaum al-Dīn* dengan 11 kali kekerapan.

Dalam kumpulan kekerapan sederhana pula, bilangan kekerapan variasi adalah di antara lapan sehingga tiga sahaja. *Al-Dar al-Akhīrah* mempunyai nilai frekuensi yang paling besar iaitu lapan kekerapan dengan nilai peratusannya adalah 0.0206%, diikuti dengan *Yaum al-Khūrij* dan *al-Zalzalah* yang mempunyai kekerapan yang sama iaitu enam. Dalam katogori ini, terdapat tiga variasi yang mempunyai kekerapan yang sama iaitu *Yaum al-Sāah*, *Yaum al-Hisab* dan *Yaum al-Fasal* dengan lima kekerapan dan 0.0129% peratusan. Baki dua variasi iaitu *al-Qāriyah* dan *al-Hāqqah* masing mempunyai tiga kekerapan dengan 0.0038% peratusan.

Bagi kekerapan rendah, hanya variasi *al-Bā'atha*, *yaum al-Jam'u* dan *al-Wāqiaah* sahaja yang mempunyai dua kali kekerapan dalam al-Qur'an, manakala yang selebihnya hanya mempunyai satu kekerapan sahaja. Secara umumnya, kekerapan tinggi menyumbang sebanyak 189 kali kekerapan dengan 0.3664% peratusan, manakala kekerapan sederhana dan rendah masing-

masing 41 dan 16 kali dengan 0.0898% dan 0.0325% peratusan yang menjadikan jumlah keseluruhan adalah 246 kali dan 0.4906% peratusan dalam al-Qur'an al-Karim.

Jadual 2: Perincian Variasi Hari Kiamat dalam Al-Qur'an Berdasarkan Surah

Surah	Variasi	Jumlah
Al-Fatiyah	<i>Yaum al-Dīn</i>	1
Al-Baqarah	<i>Yaum Al-Qiyāmah</i>	4
	<i>Al-Dār Al-Akhīrah</i>	1
	<i>Al-Akhīrah</i>	5
	<i>Yaum Al-Akhir</i>	5
	<i>Yaum Al-Hisāb</i>	1
Ali-Imran	<i>Yaum Al-Hisāb</i>	2
	<i>Yaum Al-Qiyāmah</i>	5
	<i>Al-Akhīrah</i>	5
	<i>Yaum Al-Akhir</i>	1
An-Nisa'	<i>Yaum Al-Qiyāmah</i>	4
	<i>Yaum Al-Akhir</i>	4
Al-Ma'ida	<i>Yaum Al-Qiyāmah</i>	1
	<i>Al-Akhīrah</i>	3
	<i>Al-Sāah</i>	2
	<i>Yaum Al-Hisāb</i>	1
Al-An'am	<i>Yaum Al-Qiyāmah</i>	1
	<i>Al-Dār Al-Akhīrah</i>	1
	<i>Al-Sāah</i>	2

	<i>Yaum Al-Qiyāmah</i>	2
Al-A'raf	<i>Yaum Al-Khurūj</i>	1
	<i>Al-Akhīrah</i>	3
	<i>Al-Sāah</i>	1
Al-Anfal	<i>Al-Akhīrah</i>	2
Al-Taubah	<i>Yaum Al-Dīn</i>	1
	<i>Yaum Al-Akhir</i>	5
Yunus	<i>Yaum Al-Qiyāmah</i>	2
Hud	<i>Yaum Al-Qiyāmah</i>	2
	<i>Al-Akhīrah</i>	2
Yusuf	<i>Yaum al-Akhir</i>	2
	<i>Al-Sāah</i>	1
Al-Ra'du	<i>Al-Akhīrah</i>	2
	<i>Al-Hisāb</i>	4
Ibrahim	<i>Al-Akhīrah</i>	2
	<i>Al-Hisāb</i>	2
Al-Hijr	<i>Yaum al-Dīn</i>	1
	<i>Al-Sāah</i>	1
Al-Nahl	<i>Yaum Al-Qiyāmah</i>	3
	<i>Al-Akhīrah</i>	5
	<i>Al-Sāah</i>	1
Al-Isra'	<i>Yaum Al-Qiyāmah</i>	4
	<i>Al-Akhīrah</i>	4
Al-Kahfi	<i>Al-Sāah</i>	2

	<i>Yaum Al-Qiyāmah</i>	1
Maryam	<i>Yaum Al-Qiyāmah</i>	1
	<i>Al-Sāah</i>	1
	<i>Yaum Al-Hasr</i>	1
	<i>Yaum Al-Qiyāmah</i>	3
Taha	<i>Al-Akhīrah</i>	1
	<i>Al-Sāah</i>	1
	<i>Yaum Al-Qiyāmah</i>	1
Al-Anbiya'	<i>Al-Sāah</i>	1
	<i>Yaum Al-Qiyāmah</i>	2
Al-Haj	<i>Al-Sāah</i>	3
	<i>Al-Bā'atha</i>	1
	<i>Yaum Al-Qiyāmah</i>	1
Al-Mukminun	<i>Al-Akhīrah</i>	1
	<i>Yaum Al-Qiyāmah</i>	1
Al-Nur	<i>Al-Hisāb</i>	1
	<i>Yaum al-Akhir</i>	1
Al-Furqan	<i>Yaum Al-Qiyāmah</i>	1
As-Syuara'	<i>Yaum al-Dīn</i>	1
Al-Naml	<i>Al-Akhīrah</i>	1
Al-Qasas	<i>Al-Akhīrah</i>	5
	<i>Yaum Al-Qiyāmah</i>	2
Al-Ankabut	<i>Yaum Al-Qiyāmah</i>	2
	<i>Al-Akhīrah</i>	1
	<i>Yaum al-Akhir</i>	1

	<i>Al-Dār Al-Akhīrah</i>	1
Al-Rum	<i>Al-Akhīrah</i>	2
	<i>Yaum Al-Sāah</i>	3
	<i>Al-Sāah</i>	1
	<i>Al-Bā'atha</i>	1
	<i>Yaum Al-Khurūj</i>	2
Luqman	<i>Al-Sāah</i>	1
Al-Sajadah	<i>Yaum Al-Qiyāmah</i>	1
	<i>Al-Dār Al-Akhīrah</i>	1
Al-Ahzab	<i>Yaum Al-Akhir</i>	1
	<i>Al-Sāah</i>	1
	<i>Saba'</i>	1
Fatir	<i>Al-Sāah</i>	1
	<i>Yaum Al-Qiyāmah</i>	1
As-Sofat	<i>Yaum Al-Dīn</i>	1
	<i>Yaum Al-Fasl</i>	1
Shod	<i>Al-Akhīrah</i>	1
	<i>Yaum al-Dīn</i>	1
	<i>Yaum Al-Hisāb</i>	3
Az-Zumar	<i>Yaum Al-Qiyāmah</i>	2
	<i>Al-Akhīrah</i>	2
Ghafir	<i>Al-Akhīrah</i>	2
	<i>Yaum Al-Hisāb</i>	2
	<i>Yaum Al-Sāah</i>	1
	<i>Al-Sāah</i>	1

	<i>Yaum Al-Azifāh</i>	1
	<i>Yaum Al-Thanād</i>	1
	<i>Yaum Al-Thanād</i>	1
	<i>Yaum Al-Thaghābun</i>	1
Al-Fusilat	<i>Al-Akhīrah</i>	2
	<i>Al-Sāah</i>	1
Al-Syura	<i>Al-Akhīrah</i>	1
	<i>Al-Sāah</i>	2
	<i>Yaum Al-Jam'u</i>	1
Al-Zhukruf	<i>Al-Sāah</i>	2
Al-Dhukhan	<i>Yaum al-Fasl</i>	1
Al-Jāthiyah	<i>Yaum Al-Qiyāmah</i>	2
	<i>Yaum al-Khurūj</i>	1
	<i>Yaum Al-Sāah</i>	1
	<i>Al-Sāah</i>	1
Al-Ahqaf	<i>Yaum Al-Qiyāmah</i>	1
Muhammad	<i>Al-Sāah</i>	1
Qaf	<i>Yaum al-Khurūj</i>	1
	<i>Yaum al-Khulūd</i>	1
	<i>Yaum Al-Wātīd</i>	1
Al-Dhāriyat	<i>Yaum Al-Dīn</i>	1
Al-Najm	<i>Al-Akhīrah</i>	1


Al-Qamr	<i>Al-Sāah</i>	2
Al-Wāqiah	<i>Yaum al-Dīn</i>	1
	<i>Al-Wāqiah</i>	2
Al-Hadid	<i>Al-Akhīrah</i>	1
Al-Mujadalah	<i>Yaum al-Akhir</i>	1
Al-Hasr	<i>Al-Akhīrah</i>	1
Al-Mumtahanah	<i>Yaum Al-Qiyāmah</i>	1
	<i>Al-Akhīrah</i>	1
Al-Taghābun	<i>Yaum Al-Jam'u</i>	2
	<i>Yaum Al-Taghābun</i>	1
Al-Talaq	<i>Yaum Al-Talaq</i>	1
Al-Qalam	<i>Al-Akhīrah</i>	1
Al-Mudathir	<i>Al-Akhīrah</i>	1
Al-Hāqqah	<i>Al-Hāqqah</i>	3
Al-Māarij	<i>Yaum al-Khurūj</i>	1
Al-Qiyāmah	<i>Yaum Al-Qiyāmah</i>	2
	<i>Al-Akhīrah</i>	1
Al-Mursalat	<i>Yaum Al-Fasl</i>	2
Al-Naba'	<i>Yaum Al-Fasl</i>	1
'Abasa	<i>Al-Shākhāh</i>	1
Al-Nāzia'at	<i>Al-Akhīrah</i>	1
	<i>Al-Sāah</i>	1
	<i>Al-Thāmat Al-Khūbra</i>	1
Al-Ghāsyiah	<i>Al-Ghāsyiah</i>	1
Al-Infitar	<i>Yaum Al-Dīn</i>	3

Jadual 2 di atas menunjukkan perincian variasi hari kiamat dalam al-Qur'an mengikut kedudukan surah dalam al-Qur'an. Perincian tersebut menunjukkan bahawa, $\frac{3}{4}$ surah dalam al-Qur'an al-Karim mempunyai variasi dan perincian ayat berkaitan hari kiamat. Ini menjadi bukti kepada pandangan Imam Qurtubi (2004) yang menyatakan bahawa, variasi dan jumlah variasi dalam al-Qur'an menggambarkan kepentingan peristiwa tersebut kepada manusia. Dalam perincian tersebut, variasi "Yaum al-Qiyāmah" dilihat berada pada banyak tempat dalam al-Qur'an, diikuti dengan variasi "Yaum al-Akhīrah, Al-Akhīrah".

Jadual 3: Nama Surah yang Berkaitan Dengan Kiamat

Surah	Variasi kiamat	Jumlah
Al-Waqiāh	<i>Yaum al-Diīn</i>	1
	<i>Al-Waqiāh</i>	2
Al-Taghābun	<i>Yaum al-Jam'i</i>	2
	<i>Yaum al-Taghābun</i>	1
Al-Talaq	<i>Yaum al-Talaq</i>	1
Al-Hāqqah	<i>Al-Hāqqah</i>	3
Al-Qiyāmah	<i>Yaum al-Qiāmah</i>	2
	<i>Al-Akhīrah</i>	1
Al-Ghāsyiah	<i>Al-Ghāsyiah</i>	1
Al-Qāriah	<i>Al-Qāriah</i>	3
Al-Zalzalah	<i>Al-Zalzalah</i>	2

Jadual 3 menunjukkan lapan surah yang dinamakan khusus dengan nama hari kiamat. Surah al-Waqiāh, al-Taghābun dan al-Qiyāmah masing-masing mempunyai dua variasi hari kiamat termasuk dari nama surah itu sendiri. Lima surah iaitu al-Talaq, al-Hāqqah, al-Ghāsyiah, al-Qāriah dan al-Zalzalah masing-masing mempunyai satu sahaja iaitu yang menjelaskan nama surah tersebut.



Rajah 3: Pola Pecahan Variasi Perkataan Hari Kamat dalam Al-Qur'an

Rajah 3 di atas menunjukkan pola variasi perkataan hari kiamat dalam al-Qur'an. Secara ironinya, pola variasi perkataan hari kiamat dalam al-Qur'an dipecahkan kepada dua bahagian iaitu; pola variasi berulang dan pola variasi statik. Pola variasi berulang pula dipecahkan kepada dua bahagian iaitu kekerapan yang tinggi dan kekerapan yang rendah. Perincian pola variasi tersebut adalah seperti jadual 4.

Jadual 4: Analisis Pola Variasi Hari Kamat dalam Al-Qur'an

Pola	Peratusan	Perincian	Variasi hari kiamat
Kekerapan yang tinggi	30%	Yaum al-Qiyamah (59) Al-Akhīrah (55) Yaum al-Dīn (11)	Al-Sāah (28) Yaum al-Akhir (28) Al-Hisāb (11)
Pola variasi berulang	70%	Al-Dār Al-Akhīrah (8) Yaum al-Khurūj (6) Yaum Al-Sāah (5) Yaum Al-Hisāb (5) Yaum al-Fasal (5)	Al-Qariah (3) Al-Haaqah (3) Al-Baatha (2) Yaum al-Jam'u (2) Al-Waqiaah (2) Al-Zalzalah (2)

Pola variasi statik	30%	Al-Shākhāh (1)	Yaum al-Waiīd (1)
		Al-Thāmah al-Khubra (1)	Yaum al-Azifah (1)
		(1)	Yaum al-Thalaq (1)
		Yaum al-Hasr (1)	Yaum al-Thanad (1)
		Al-Ghasyiah (1)	Yaum al-Thaghabun
		Yaum al-Khulud (1)	(1)

Jadual 4 menunjukkan analisis pola variasi hari kiamat dalam al-Qur'an al-Karim. Pola kosa berulang bermaksud pengulangan variasi hari kiamat yang berlaku hampir keseluruhan juzuk al-Qur'an. Ini dibuktikan dengan $\frac{3}{4}$ bersamaan 70% dari jumlah variasi hari kiamat menunjukkan pengulangan yang signifikan dalam kebanyakan surah al-Qur'an. Daripada jumlah itu, sebanyak 30% mempunyai kekerapan yang tinggi pada setiap surah al-Qur'an, Makala 40% adalah pengulangan yang rendah.

Pola variasi statik pula bermaksud variasi hari kiamat tersebut hanya disebut sekali sahaja dalam samaada dalam juzuk atau surah yang berkaitan dengannya seperti surah *al-Wāqi'ah*, dan *al-Ghāsyiah*. Perincian variasi tersebut adalah berkisar kepada konteks ayat dalam satu surah sahaja dan tidak memperincikan maksud pada surah yang berlainan.

Penutup

Kajian ini telah membekalkan maklumat yang sangat berfaedah tentang perincian dan pola variasi perkataan hari kiamat secara umum dalam al-Qur'an. Dapatkan ini telah mendedahkan bagaimana kehebatan ayat-ayat yang diturunkan melalui pelbagai variasi perkataan yang mempunyai makna yang satu namun, setiap fungsi variasi ini adalah berbeza-beza mengikut keadaan dan situasi dan penurunan ayat berkaitan hari kiamat. Melalui data yang diperolehi ini, beberapa kajian susulan akan dicadangkan seperti pembuktian variasi hari kiamat dengan kemukjizatan al-Qur'an dan hubung kait antara kedudukan perkataan dengan fenomena sains bagi menerobos rahsia-rahsia disebalik variasi hari kiamat ini.

Rujukan

Al-Qur'an al-Karim

- Ahmad Husayn, Nasr al-Din. 2002. *Wujuh al-I'jaz fi al-Khitab al-Uslubi wa al-Ma'rifi li al-Qur'an al-Karim*. Gombak: Pusat Penyelidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Akhtar Rizvi, Maulana Syed Saeed. 1994. Day of Judgement. Tanzania: Bilal Muslim Mission of Tanzania.
- Al-Alusiy, Khalid Ibrahim Muslim. (t.t). Alfaz Yaum al-Qiyamah (al-Sākhah, al-Hāqqah wa al-Thāmah) inamuzajan dirasah fanniyah. *Majalah Midar al-Adab*. V.7. 376-623.
- Al-Areefi, Muhammad. 2011. *Berakhiran Dunia Ini, Tanda-tanda Kiamat Kecil dan Besar*. Petaling Jaya, Selangor: Dakwah Corner Bookstore.
- Al-Khazrajī, Abdul Karim Nasir. t.t. *Alfaz Yaum al-Qiyāmah al-Wāridah fi al-Qur'an al-Karim*. (t.p)
- Al-Mubayyadh, Muhammad Ahmad. 2006. *Al-Mausu'ah fi al-Fitan wa al-Malahīm wa Asyrath as-Sā'ah*. Kaherah, Mesir: Muāsasah al-Mukhtar lilnasr wa al-Tauzi'
- Al-Mubayyadh, Muhammad Ahmad. 2013. *Ensiklopedia Akhir Zaman*. Sukarta, Jawa Tengah: Granada Mediatama.

- Al-Qattan, Manna Khalil. 2000. *Mabahith fi 'Ulum al-Qur'an*. Kaherah: Maktabah Al-Maarif li Nasr Wa al-Tauzi'.
- Al-Qazwini, Muhammad bin Abdul Rahman bin Umar Jalaluddin. 2003. *Al-I'doh fi 'Ulum al-Quran*. Bairut: Dar al-Jail.
- Al-Qurtubi, Imam. 2016. *Rahsia Kematian, Alam Akhirat dan Kiamat*. (N. A. Jalil, Ed.) Selangor: Al-Hidayah house of Publishers.
- Al-Qurtubi, Imam. 2004. *Al-Tazkīrah bī Ahwāl Al-Māuti wa Ūmur Al-Akhīrah*. Mamlakatu al-Arabiyyah al-Saudiyyah: Maktabah Dar al-Manhaj.
- Al-Tawijirī, Muhammad bin Ibrahim. 2012. *Al-Yaum al-Aakhir*. Mamlakatul al-Arabiyyah al-Saudiyyah: Dar Asdā'i al-Mujtama' Lilnasr wa al-Tauzi'
- Hakim Zainal, Fardiyuz Abdul Mutalib. 2015. Analisis Sintaksis Penggunaan Kata Nama Jamak dalam al-Quran. *Islamiyyat*, 86-100.
- Hala Said Muhammad Muqbal. 2011. *Al-Hiwar fi Masyāhid al-Qiyāmah fi al-Qur'an al-Karim Dirasah Dalalah Bayaniyyah*. Tesis Sarjana. Jamiah Syarqi al-Aushāt.
- Hanik Mahliatussikah. 2004. Penggunaan Gaya Bahasa Perbandingan Dalam Ayat-Ayat Al-Qur'an Tentang Hari Kiamat. *Bahasa dan Seni*, 32(2), 175-189.
- Ibn Manzur, Jalaluddin. 1994. *Lisan al-Arab*. Bairut: Lubnan: Dar Lisan al-Arab.
- M. Husnul Fadilah, Nasution. 2009. *Analisis Makna Lesikal dan Relasi Pada Kata a-Haddu dalam al-Qur'an*. Medan: Universiti Sumatera Utara.
- Mukhtar, Umar. 2008. *Mu'jam al-Showab al-Lughawiy dalil al-Muthaqafa al-Arabiyy*. Kaherah: Alim al-Kutub.
- Nazri Atoh dan Zamri Arifin. 2013. Penggunaan Tashbih dalam Gambaran Hari Kiamat dalam Surah al-Qariah. *Al-Hikmah*, 71-81.
- Omar, Ahmad Mukhtar. 2008. *Mu'jam al-Lughah al-Arabiyyah al-Mu'ashirah*. Kairo: PT Alam al-Kutb.
- Othman Hj. Khalil et.al. (2006). *Kamus Besar Arab- Melayu Dewan*. Hulu Klang: Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.
- Qutb, Sayyid. 2006. *Masyahidul al-Qiamah fi al-Qur'an*. Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Qutb, Sayyid. 2004. *al-Tasywir al-Fanniy fi al-Qur'an*. Kaherah: Dar al-Syuruk.
- Sholahuddin, Ashani. 2015. Kontruksi Pemahaman Terhadap I'jaz Al-Qur'an. *Analytica Islamica*, 217-230.
- Umar Sulaiman, al-Ashqar. 1990. *Al-Yaum Al-Akhirah: Al-Qiamat Al-Kubra*. Amman: Dar al-Nafaais.
- Yusuf, Mohd. HM. 2012. Munasabah dalam al-Qur'an; Satu Kajian tentang I'jaz al-Qur'an. *Tajdid*, 225-233.
- Zakir Naik. 2000. *The Quran and Modern Science: Compatible and Incompatible*. United Kindom: Islamic Research Foundation.
- Zamri Rejab & Kaseh Abu Bakar. 2011. Penggunaan Shahid al-Qur'an Dalam Kitab Sharh Ibn 'Aqil dan Sharh Qatr Al-Nada' Wa Bal Al-Sada' Bab al-Marfu'at: Satu Kajian Bandingan. *Gema Online Journal of Language Studies*. 11(2). 83-98.